

# Jangan dekati, sentuh obor-obor *Portuguese Man o'War*

UM 25/1/2022 MS: 31


Oleh **KAMALIZA KAMARUDDIN**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Pengunjung Pantai Seberang Takir, Kuala Nerus, dekat sini dinasihatkan agar lebih berhati-hati berikutan penemuan obor-obor spesies *Portuguese Man o'War* yang beracun dan berbahaya di pantai tersebut, semalam.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Terengganu, Leftenan Kolonel (PA) Mohd. Rosman Abdullah berkata, pihaknya menerima maklumat penemuan obor-obor itu melalui paparan Facebook orang awam yang memaklumkan mengenainya.

“Berikutan itu, beberapa kakitangan telah membuat pemantauan di Pantai Seberang Takir dan menemukan bangkai obor-obor tersebut yang terdampar di pesisiran pantai tersebut.

“Makluman awal daripada orang awam sangat dihargai kerana ia membawa maksud masyarakat telah mula menyedari mengenai ancaman bahaya obor-obor ini.



**OBOR-OBOR spesies *Portuguese Man o'War* yang boleh mengundang bahaya kepada orang ramai ditemukan di Pantai Seberang Takir, Kuala Nerus, semalam.**

“Ia dapat menghalang orang ramai daripada mendekati atau menyentuh hidupan itu kerana sangat berisiko terhadap kesi-

hatan dan nyawa manusia,” katanya ketika dihubungi.

Semalam, tular di Facebook penemuan obor-obor berkenaan di Pantai Seberang Takir oleh orang awam yang turut mengingatkan pengunjung lain agar lebih berhati-hati.

Melalui ruangan komen, warganet saling menasihatkan pengunjung kerana obor-obor jenis *Portuguese Man o'War* atau nama saintifiknya *Physalia physalis* itu masih beracun walaupun sudah mati.

Lebih merisaukan mereka kerana saiznya yang kecil dan berwarna lutsinar menyebabkan haiwan itu sukar dilihat.

Ini boleh mengundang bahaya kepada orang ramai yang tidak menyedari kehadirannya di pantai.

Mengulas lanjut, Mohd. Rosman berkata, hidupan akuatik itu adalah antara obor-obor yang berbisa dan sangat berbahaya terhadap manusia.

Menurutnya, obor-obor itu boleh melumpuhkan mangsa melalui sengatannya selain boleh menyebabkan melecur pada kulit dan membawa maut.